



13 FEB, 2022

Kastam pakai kamera badan tahun ini

Mingguan Malaysia, Malaysia





13 FEB, 2022

Kastam pakai kamera badan tahun ini

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 3

Kastam pakai kamera badan tahun ini

Oleh ROSALINDA MD. SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Penguat kuasa dan petugas barisan hadapan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan menjadi perintis kepada penggunaan kamera badan yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun ini.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, bagi peringkat pertama, lebih 100 penguat kuasa dan petugas di pintu masuk negara dilengkapi peralatan itu yang kini dalam proses pemerolehan bekalan dan dijangka selesai pada Jun ini.

“Saya tiada angka spesifik tetapi untuk peringkat pertama lebih 100 penguat kuasa di samping pegawai yang bertugas di barisan hadapan contohnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA) serta stesen sempadan akan menggunakan kamera badan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia, Program Khidmat Bakti Masyarakat Bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas,



ABDUL Latif Abdul Kadir (dua, dari kiri) bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali (tengah) dalam Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia dan Program Khidmat Bakti Masyarakat di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas, Kuala Terengganu, semalam. - MINGGUAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

di sini semalam.

Langkah pemasangan kamera badan itu sebagai usaha menangani salah laku dalam kalangan pasukan beruniform berkenaan di samping meningkatkan integriti anggota Kastam yang sering dituduh terlibat dengan aktiviti rasuah.

Pada 2019, kerajaan menerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JK-KMAR) bersetuju melaksanakan penggunaan kamera badan

pada pegawai penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan JKDM.

Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri ketika itu berkata, pendekatan itu bagi memperkasa kecekapan dan integriti pegawai penguat kuasa berikutan aduan salah laku individu yang berurusan atau yang disiasat, termasuk dakwaan dipukul.

Katanya, penggunaan kamera

badan membolehkan setiap perbuatan dan percakapan pegawai dirakam, sekali gus boleh mengesan sama ada dakwaan yang dibuat berasas atau tidak.

Usaha memperkasa dan meningkatkan ketelusan pegawai penguat kuasa itu penting kerana negara mengalami kebocoran hasil antara RM3 bilion hingga RM5 bilion setahun di pintu keluar masuk akibat masalah integriti pegawai dan kekurangan peralatan teknologi terkini.



13 FEB, 2022

Kastam pakai kamera badan tahun ini

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

Kastam pakai kamera badan tahun ini »3

KUALA TERENGGANU: Penguat kuasa dan petugas barisan hadapan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan menjadi perintis kepada penggunaan kamera badan yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun ini. Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, bagi peringkat pertama, lebih 100 penguat kuasa dan petugas di pintu masuk negara dilengkapi peralatan itu yang kini dalam proses pemerolehan bekalan dan dijangka selesai pada Jun ini.